A

GLOBAL FORECAST SDN BHD

lwn.

PRIORITY NETWORK SDN BHD & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ASMABI MOHAMAD PK
[GUAMAN SIVIL NO: S6-22-316-2009]
20 JUN 2013

C ***KONTRAK:*** *Terma-terma - Pentafsiran - Kaedah contra proferentum - Sama ada terma-terma yang tidak kemas bermaksud wujud interpretasi bercanggah - Sama ada tafsiran yang bertentangan dengan pihak yang menderaf terma wajar diambil*

D ***PROFESION UNDANG-UNDANG:*** *Peguamcara - Pemegang amanah - Kemungkiran tanggungjawab sebagai pemegang amanah - Wang amanah dilepaskan oleh peguamcara kepada defendan tanpa pengetahuan plaintif dan tanpa mematuhi terma-terma perjanjian - Sama ada peguamcara bertindak sebagai pemegang amanah - Sama ada peguamcara salah dalam melepaskan wang amanah kepada defendan*

E Plaintif telah memulakan tindakan ini terhadap defendan kedua ('D2'), yang merupakan sebuah firman guaman, bagi menuntut wang berjumlah RM250,000 yang didakwa dipegang oleh D2 sebagai pemegang amanah ('stakeholder') menurut suatu perjanjian bertulis yang dimasuki antara plaintif dan defendan pertama ('D1') ('perjanjian tersebut'). DW1 adalah F peguam yang beramal di D2. D1 telah menawarkan plaintif peluang untuk mendapatkan kontrak bagi membekalkan pistol kepada Polis DiRaja Malaysia ('PDRM'). Beberapa perbincangan telah diadakan antara wakil plaintif, D1 serta DW1. Berikutan itu, suatu perjanjian bertulis telah disediakan oleh DW1 untuk ditandatangani oleh plaintif dan D1 yang G mana plaintif bersetuju untuk membekalkan pistol dan D1 bersetuju untuk memperoleh kontrak membekal pistol kepada PDRM. Plaintif juga telah bersetuju untuk membayar deposit boleh bayar balik sejumlah RM250,000 kepada D2 untuk dipegang sebagai pemegang amanah atau 'stakeholder'. Pihak-pihak telah bersetuju jika sekiranya D1 gagal H memperoleh sebarang pesanan bagi pembelian pistol tersebut daripada PDRM dalam masa 60 hari dari tarikh perjanjian tersebut, RM250,000 tersebut hendaklah dikembalikan sepenuhnya kepada plaintif dan perjanjian tersebut hendaklah ditamatkan. Sebaliknya jika D1 berjaya mengesahkan pesanan bagi bekalan pistol untuk plaintif dalam tempoh masa yang sama, wang amanah tersebut akan menjadi sebahagian I daripada sumbangan yang akan dibayar kepada D1 atas usaha D1 memperolehi kontrak tersebut untuk plaintif. Walau bagaimanapun D1 telah gagal memperoleh apa-apa pesanan pistol dalam tempoh yang

dipersetujui. Selaras dengan kl. 5.5.1a perjanjian tersebut, plaintif telah menuntut pembayaran balik deposit berjumlah RM250,000 dan menamatkan perjanjian tersebut. Wang deposit tersebut telah dilepaskan oleh D2 kepada D1 tanpa pengetahuan plaintif dan tanpa mematuhi terma-terma perjanjian tersebut. DW1 menafikan bahawa peranan D2 adalah sebagai pemegang amanah. Menurut DW1, peranan D2 ialah untuk menerima wang tersebut bagi pihak D1 dan untuk membayar wang tersebut kepada D1 apabila diarah oleh D1. Isu-isu yang timbul untuk penentuan mahkamah adalah: (i) sama ada D2 bertindak sebagai pemegang amanah ('stakeholder') di bawah perjanjian tersebut; dan (ii) sama ada D2 telah dengan betul melepaskan wang sejumlah RM250,000 kepada D1.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Dalam kes ini, wujud fakta latar belakang yang diketahui oleh pihak-pihak semasa atau sebelum perjanjian tersebut ditandatangani iaitu mengenai objektif dan tujuan sebenar perjanjian tersebut. Keterangan dalam rundingan boleh diterima dan relevan tetapi hendaklah terhad kepada latar belakang fakta yang diketahui oleh pihak-pihak pada atau semasa tarikh perjanjian tersebut termasuklah keterangan yang menunjukkan hal perkara permulaan atau genesis dan secara objektifnya tujuan transaksi itu; *Citibank v. Ooi Boon Leong & Ors* [1980] 1 LNS 168 (dirujuk). (perenggan 25)

(2) Fakta kes ini serta latar belakang termeterainya perjanjian tersebut serta kl. 5.5.1b perjanjian tersebut jelas menunjukkan bahawa perjanjian tersebut menghasratkan supaya wang RM250,000 tersebut dibayar oleh plaintif kepada D2 untuk dipegang sebagai pemegang amanah atau 'stakeholder' sementara menunggu sama ada terdapat pesanan daripada D1 atau sebaliknya. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian tersebut fungsi dan peranan D2, namun pembacaan klausa ini membawa maksud bahawa D2 memegang wang tersebut selaku 'stakeholder'. (perenggan 27 & 30)

(3) D2 tiada justifikasi bagi melepaskan wang tersebut kepada D1 kerana peristiwa yang membolehkan D2 berbuat demikian tidak wujud pada tarikh wang dilepaskan, iaitu lebih kurang tiga hari selepas perjanjian tersebut ditandatangani. Tindakan D2 merupakan suatu tindakan yang melulu atau cuai dan bercanggah dengan tujuan sebenar wang itu diserahkan kepada D2 selaku pemegang taruhan atau 'stakeholder'. (perenggan 38 & 46)

(4) Kaedah *contra proferentum* terpakai dalam kes ini. Terma-terma yang wujud dalam perjanjian tersebut digubal sepenuhnya oleh D2, seorang peguam yang berpengalaman. DW1 mempunyai pengetahuan penuh tentang semua terma yang terkandung dalam perjanjian

A tersebut. Maka, jika terdapat terma-terma yang tidak kemas maksudnya atau jika berlaku kekaburan yang menyebabkan wujudnya interpretasi yang bercanggah maka interpretasi yang bertentangan dengan pihak yang menderaf terma tersebut hendaklah diambil oleh mahkamah (*MBF Finance Bhd v. Sim Peng Bee & Anor*, dirujuk);
B *Kandasami v. Mohamed Mustafa*, dirujuk). (perenggan 47, 48 & 49)

Kes-kes yang dirujuk:

Berjaya Times Square Sdn Bhd v. M-Concept Sdn Bhd [2010] 1 CLJ 269 FC ***(dirujuk)***

Chen, Leong & Company v. Sri Naka Jaya Enterprise Sdn Bhd [2009] 6 CLJ 444 CA ***(dirujuk)***
C

Citibank NA v. Ooi Boon Leong & Ors [1980] 1 LNS 168 FC ***(dirujuk)***

Dato' Seri Au Ba Chi & Anor v. Malayan United Finance Bhd & Anor [1989] 2 CLJ 801; [1989] 1 CLJ (Rep) 460 HC ***(dirujuk)***

Investors Compensation Scheme Ltd v. West Bromwich Building Society [1998] 1 All ER 98 ***(dirujuk)***

D *Kandasami Kaliappa Gounder v. Mohd Mustafa Seeni Mohd [1983] 2 CLJ 55; [1983] CLJ (Rep) 7 PC* ***(dirujuk)***

Kwan Chew Holdings Sdn Bhd v. Kwong Yik Bank Bhd [2007] 2 CLJ 127 CA ***(dirujuk)***

MBf Finance Bhd v. Sim Peng Bee & Anor [2003] 1 CLJ 690 HC ***(dirujuk)***

Prenn v. Simmonds [1971] 3 All ER 237 ***(dirujuk)***

E *Toh Theam Hock v. Kemajuan Perwira Management Corp Sdn Bhd [1987] 2 CLJ 26; [1987] CLJ (Rep) 400 SC* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, ss. 91, 92

Rules of the High Court 1980, O. 14

F

Bagi pihak plaintif - Ismail Mohamad Arifin (Juriah Robason & Siti Norhayati Abd Halim with him); T/n Ram Reza & Muhammad

Bagi pihak defendan - Paari Perumal; T/n Perumal Brothers

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

G

PENGHAKIMAN

Asmabi Mohamad PK:

H

Pengenalan

[1] Plaintif telah memulakan suatu tindakan terhadap defendan kedua ("defendan kedua"), yang merupakan sebuah firma guaman, bagi menuntut wang sejumlah RM250,000 yang didakwa dipegang oleh
I defendan kedua sebagai pemegang taruhan ("stakeholder") menurut suatu perjanjian bertulis yang dimasuki di antara plaintif dan defendan pertama ("defendan 1") bertarikh 6 Julai 2008 ("eks. P1" di ms. 1 hingga 6 Dokumen "B" ("perjanjian tersebut").

[2] Setelah mendengar keterangan dua orang saksi bagi pihak plaintif iaitu Encik Che Ab Halim bin Che Hussain ("PW1") dan Encik Basry bin Adam ("PW2") dan juga keterangan seorang saksi bagi pihak defendan kedua, Encik Joseph Clemons a/l Joseph ("DW1") dan mendengar penghujahan oleh kedua-dua peguambela plaintif dan defendan kedua yang terpelajar, pada 22 Mac 2013 mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintif sebagaimana yang dipohon dalam writ dan pernyataan tuntutannya bertarikh 14 Mei 2009 ("pernyataan tuntutan") berserta kos berjumlah RM15,000 setelah mahkamah mendapati plaintif telah berjaya membuktikan suatu kes atas imbangan kebarangkalian terhadap defendan kedua.

[3] Defendan kedua yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah tersebut telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

[4] Berkaitan dengan defendan pertama, suatu penghakiman terus telah dimasukkan terhadap defendan pertama pada 29 Oktober 2010.

Dokumen-Dokumen

[5] Bagi tujuan perbicaraan di hadapan saya, dokumen-dokumen yang dirujuk ialah seperti yang berikut:

Dokumen	Penandaan
(i) Ikatan pliding	"A"
(ii) Ikatan dokumen bersama (bahagian B)	"B"
(iii) Isu-isu untuk dibicarakan	"C"
(iv) Fakta-fakta yang dipersetujui	"D"

Isu-Isu Untuk Dibicarakan

[6] Isu-isu untuk penentuan mahkamah ialah sebagaimana yang terkandung dalam dokumen bertanda "C". Bagi tujuan memudahkan rujukan diperturunkan isu-isu yang dipersetujui seperti yang berikut:

(a) Sama ada defendan kedua bertindak sebagai pemegang taruhan ("stakeholder") di bawah perjanjian bertarikh 6 Julai 2008 yang dimasuki di antara plaintif dan defendan pertama.

(b) Sama ada defendan kedua telah melepaskan wang sejumlah RM250,000 kepada defendan pertama.

Kes Untuk Plaintif

[7] Semasa perbicaraan di hadapan saya, plaintif diwakili oleh Pengurus Besarnya Encik Che Ab Halim bin Che Hussain ("PW1"). Menurut PW1, defendan pertama telah menemui PW1 bagi menawarkan peluang untuk mendapatkan kontrak bagi membekal pistol kepada Polis DiRaja Malaysia ("PDRM"). Bagi tujuan melaksanakan perkara tersebut, beberapa perbincangan telah diadakan di antara PW1, PW2 dan defendan pertama. Turut juga terlibat dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan itu ialah Encik Joseph Clemons a/l Joseph dari sebuah firma guaman yang dikenali sebagai J Clemons & Associates ("DW1"). Pada akhir perbincangan, plaintif telah bersetuju untuk menjadi agen bagi membekalkan pistol jenis STYER kepada PDRM. Plaintif dan defendan pertama juga bersetuju untuk memuktamadkan butir-butir persetujuan di antara mereka dalam bentuk perjanjian bertulis yang akan disediakan oleh DW1.

[8] Berikutan daripada itu, suatu perjanjian bertulis telah disediakan oleh DW1 untuk ditandatangani oleh plaintif dan defendan pertama di mana plaintif selaku pembekal pistol bersetuju untuk membekal pistol tersebut dan defendan pertama sebagai pihak yang satu lagi bersetuju untuk memperoleh kontrak membekal pistol jenis STYER kepada PDRM tertakluk kepada syarat-syarat dalam perjanjian tersebut ("eks. P1" di ms. 1 hingga 6 Dokumen "B"). Menurut perjanjian tersebut, plaintif sebagai pembekal juga bertanggungjawab bagi membekalkan sampel, menjalankan uji periksa, dan juga menyerah hantar pistol menurut pesanan.

[9] Selaras dengan perjanjian tersebut, plaintif juga bersetuju untuk membayar deposit boleh bayar balik ("refundable deposit") sejumlah RM250,000 kepada defendan kedua untuk dipegang sebagai pemegang pertaruhan atau "stakeholder". Pihak-pihak juga telah bersetuju jika sekiranya defendan pertama gagal memperoleh sebarang pesanan bagi pembelian pistol tersebut daripada PDRM dalam masa 60 hari daripada tarikh perjanjian tersebut iaitu 6 Julai 2008, wang sejumlah RM250,000 tersebut hendaklah dikembalikan sepenuhnya kepada plaintif dan perjanjian tersebut hendaklah ditamatkan. Sebaliknya jika defendan pertama berjaya untuk mengesahkan pesanan bagi bekalan pistol untuk plaintif dalam tempoh masa yang sama, wang pertaruhan itu akan menjadi sebahagian daripada sumbangan yang akan dibayar kepada defendan pertama atas usaha defendan pertama memperolehi kontrak tersebut untuk plaintif.

[10] Menurut PW1, defendan pertama telah gagal memperoleh apa-apa pesanan pistol dalam tempoh yang dipersetujui walaupun pelanjutan masa diberi oleh plaintif. Selaras dengan kl. 5.5.1a perjanjian tersebut, plaintif

telah menuntut daripada defendan pertama pembayaran balik deposit berjumlah RM250,000 dan menamatkan perjanjian tersebut ("eks. P2" di ms. 7 Dokumen "B").

[11] Menurut perjanjian tersebut, jika tiada pesanan pistol dibuat oleh defendan pertama kepada plaintif, wang deposit yang ditempatkan dalam akaun klien defendan kedua sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder" hendaklah dibayar balik kepada plaintif. Walaupun perjanjian tersebut telah memperuntukkan sedemikian, setelah semakan dibuat, PW1 mendapati wang deposit tersebut telah dilepaskan oleh defendan kedua kepada defendan pertama tanpa pengetahuan plaintif dan tanpa mematuhi terma-terma perjanjian tersebut. Menurut PW1, perkara ini tidak sewajarnya berlaku kerana melalui perbincangan yang diadakan yang juga dihadiri oleh defendan kedua pada tahap awal perbincangan, pihak-pihak kepada perjanjian telah bersetuju supaya defendan kedua bertindak selaku pemegang taruhan atau "stakeholder" bagi wang deposit tersebut. Di atas alasan itu juga, perjanjian tersebut telah memperuntukkan secara jelas keadaan-keadaan bagaimana wang tersebut boleh dilepaskan oleh defendan kedua selaku pemegang taruhan atau "stakeholder" (lihat kl. 5.5.1a hingga c "eks. P1" di ms. 4 Dokumen "B1").

[12] Keterangan seorang lagi saksi plaintif iaitu Encik Basry bin Adam ("PW-2") yang merupakan seorang pengarah plaintif yang juga terlibat dengan perbincangan dengan defendan pertama dan juga defendan kedua, mengesahkan dan menyokong keterangan PW1. Selanjutnya PW2 juga mengesahkan bahawa defendan kedua telah dilantik bagi memastikan wang deposit berjumlah RM250,000 berada dalam keadaan selamat dan pembayaran kepada defendan pertama atau pemulangan kepada plaintif hendaklah bergantung kepada peristiwa sama ada terdapat pesanan atau sebaliknya di dalam tempoh 60 hari daripada tarikh perjanjian tersebut (lihat kl. 5.5.1b dan c di ms. 4 Dokumen "B").

[13] PW2 selanjutnya menyatakan sekiranya pembayaran deposit RM250,000 itu bukan bagi tujuan menjamin keselamatan wang tersebut, pihak plaintif boleh membayar terus kepada defendan pertama tanpa melalui defendan kedua. Jika itulah kefahaman defendan kedua, tidak ada gunanya defendan kedua dilantik sebagai pemegang taruhan bagi perjanjian tersebut. Selaras dengan terma perjanjian tersebut sebenarnya wang pertaruhan tersebut didepositkan ke dalam akaun klien defendan kedua supaya wang itu berada dalam keadaan selamat sehingga wujudnya peristiwa bagi membolehkan defendan kedua melepaskan wang tersebut kepada mana-mana pihak dengan atau atas arahan lanjut oleh plaintif atau defendan pertama berdasarkan keadaan yang dinyatakan dalam kl. 5.5.1a hingga c.

[14] Selaras dengan itu, plaintif menuntut pembayaran balik wang tersebut daripada defendan kedua berserta faedah dan kos.

Kes Defendan

[15] Defendan kedua merupakan sebuah firma guaman yang beramal di bawah nama dan stail J Clemons & Associates yang juga merupakan pemilik tunggal. Bagi tujuan perbicaraan ini, defendan kedua diwakili oleh Encik Joseph Clemons a/l Joseph seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya yang mempunyai pengalaman amalan guaman selama 22 tahun ("DW1"). Menurut DW1, beliau mengenali plaintif semasa beliau dilantik oleh defendan pertama bagi tujuan perjanjian tersebut.

[16] DW1 menyatakan lebih kurang pada bulan Mac 2008 seorang yang bernama Encik Subramaniam a/l G Muniandy ("Subramaniam") yang mewakili defendan pertama telah berjumpa dengan DW1 bagi maksud suatu perjanjian yang akan dimasuki di antara plaintif dan defendan pertama tersebut. Subramaniam telah memaklumkan kepada defendan kedua bahawa beliau ("Subramaniam") akan membawa satu salinan deraf perjanjian yang akan ditandatangani di antara plaintif dengan defendan pertama untuk penelitian DW1. Beberapa minggu selepas itu, Subramaniam telah datang ke pejabat defendan kedua dan menyerahkan deraf perjanjian tersebut dan memohon nasihat DW1 berhubung perjanjian tersebut. DW1 hanya menyemak deraf perjanjian yang dibawa oleh Subramaniam dan membuat beberapa pindaan kepada deraf perjanjian tersebut.

[17] Pada 6 Julai 2008, perjanjian tersebut telah ditandatangani di antara plaintif dengan defendan di hadapan DW1 di pejabat plaintif. Sebagaimana yang tercatat dalam perjanjian tersebut iaitu pada kl. 5.5.1a, defendan kedua akan menerima wang berjumlah RM250,000 untuk dibayar kepada defendan pertama. DW1 yang mewakili defendan kedua mengakui ada menerima cek bernilai RM250,000 daripada plaintif pada tarikh perjanjian ditandatangani di pejabat plaintif iaitu pada 6 Julai 2008.

[18] Menurut DW1, peranan defendan kedua ialah untuk menerima wang tersebut berjumlah RM250,000 bagi pihak defendan pertama dan untuk membayar wang tersebut kepada defendan pertama apabila diarah oleh defendan pertama. Oleh yang demikian, apabila defendan pertama meminta supaya wang tersebut dilepaskan, defendan kedua telah melepaskan wang tersebut kepada defendan pertama sebagaimana yang diarahkan oleh Subramaniam tersebut. Berkaitan dengan perkara ini, terdapat suatu surat yang dikeluarkan oleh defendan pertama kepada defendan kedua yang memberi kuasa kepada defendan kedua untuk melepaskan RM250,000 tersebut kepada Subramaniam (eks. "D3(a)" di

ms. 9-10 Dokumen "B"). Berdasarkan kepada itu, defendan kedua telah melepaskan wang berjumlah RM250,000 tersebut kepada Subramaniam (eks. "D3(b)" di ms. 10 Dokumen "B").

[19] DW1 menegaskan bahawa menurut kl. 5.5.1b, defendan pertama mempunyai obligasi untuk memulangkan wang tersebut kepada plaintif sekiranya tidak terdapat apa-apa pesanan pistol dibuat dalam tempoh 60 hari daripada tarikh perjanjian tersebut dan bukan defendan kedua. Ini ialah kerana defendan pertama telah menerima wang tersebut dan keduanya plaintif telah menuntut dari defendan pertama menurut kl. 5.5.1b perjanjian tersebut (lihat ms. 7 Dokumen "B").

[20] DW1 menyatakan dalam afidavit yang difailkannya bagi tujuan mencabar permohonan plaintif menurut A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bahawa beliau mengaku bertindak sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder" yang pada DW1 membawa maksud DW1 memegang deposit berjumlah RM250,000 tersebut untuk dan bagi pihak defendan pertama dan untuk dibayar kepada defendan pertama apabila diminta oleh defendan pertama (lihat WSDW1 Soalan & Jawapan No. 9 & 10).

[21] Berdasarkan kepada alasan yang dinyatakan di atas pihak yang sepatutnya dituntut oleh plaintif ialah defendan pertama dan bukan defendan kedua. DW1 menegaskan sebenarnya plaintif sudah memperoleh suatu penghakiman terus terhadap defendan pertama pada 29 Oktober 2010.

Isu-Isu Yang Dibangkitkan Dalam Penghujahan

Oleh Plaintif

[22] Peguambela yang terpelajar plaintif telah membangkitkan isu-isu berikut dalam penghujahannya:

(a) Wang deposit berjumlah RM250,000 yang dimasukkan plaintif ke dalam akaun defendan kedua menurut kl. 5.5.1b perjanjian tersebut ialah sebagai pemegang taruhan ("stakeholder") bagi menjamin wang tersebut selamat dan tidak dimiliki oleh plaintif atau defendan selagi perjanjian tidak disempurnakan;

(b) Pelepasan wang RM250,000 kepada defendan pertama ialah tidak wajar dan bercanggah dengan kl. 5.5.1b perjanjian tersebut. Tidak wujud keadaan-keadaan yang mewajarkan wang tersebut dilepaskan menurut terma-terma dalam perjanjian tersebut kerana tidak ada bukti yang menunjukkan defendan pertama telah mematuhi terma 5.5.1b perjanjian tersebut;

(c) Wujudnya suatu perjanjian kolateral "collateral contract" sebelum perjanjian tersebut ditandatangani yang mengikat pihak-pihak. Rundingan awal di antara plaintif, defendan pertama dan juga defendan kedua menunjukkan pihak-pihak bersetuju supaya wang RM250,000 disimpan oleh DW1 sebagai pemegang taruhan ("stakeholder"); dan

(d) "Contra Proferentum Rule" terpakai dalam kes ini memandangkan perjanjian ini disediakan oleh DW1 yang mempunyai pengetahuan penuh dalam amalan guaman melibatkan litigasi dan juga conveyancing dan faham terma-terma perjanjian tersebut. Menurut kaedah ini, jika terdapat kekaburan dalam tafsiran sesuatu dokumen yang disediakan oleh suatu pihak, perkara ini hendaklah ditafsirkan bertentangan dengan pihak yang menyediakannya.

Bagi Pihak Defendan

[23] Peguambela terpelajar defendan kedua pula menghujahkan perkara-perkara yang berikut:

(a) Apa yang diplid oleh plaintif dalam penyataan tuntutan plaintif bercanggah dengan keterangan yang dikemukakan di mahkamah. Di dalam pernyataan tuntutannya, plaintif telah menyatakan bahawa defendan kedua ialah pemegang taruhan atau "stakeholder" untuk defendan pertama. Sementara itu dalam keterangan di mahkamah, plaintif menyatakan defendan kedua ialah pemegang taruhan atau "stakeholder" untuk plaintif dan defendan pertama;

(b) Keseluruhan kes plaintif berputar kepada fakta yang diikrar oleh defendan kedua dalam afidavit yang difailkan defendan kedua bagi mencabar permohonan plaintif di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di mana defendan kedua mengikrar bahawa defendan kedua ialah pemegang taruhan atau "stakeholder". Afidavit yang difailkan defendan kedua hanyalah bagi membangkitkan isu-isu untuk dibicarakan. Oleh yang demikian perkara ini tidak boleh dibangkitkan dalam perbicaraan ini. Dalam apa-apa keadaan, defendan kedua telah membuat pindaan kepada pembelaannya yang tidak dibantah oleh plaintif. Oleh itu, tidak terdapat percanggahan di antara afidavit dan pembelaan yang difailkan;

(c) Pindaan yang dibenarkan oleh mahkamah telah menyebabkan tarikh pernyataan tuntutan plaintif dikebelakangkan. Oleh yang demikian "doctrine of relation back" terpakai. Seperkara lagi, tidak timbul masalah walaupun dalam keadaan DW1 telah mengikrar afidavit dan mengaku bertindak sebagai pemegang taruhan kerana itu bagi tujuan membangkitkan isu-isu untuk dibicarakan semata-mata;

(d) Mahkamah boleh mengambil notis kehakiman "judicial notice" berhubung dengan perkara yang berlaku dalam tindakan ini. Dalam kes ini berlaku suatu kekhilafan oleh defendan kedua kerana mengaku bertindak sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder" yang tidak mengikat defendan kedua;

(e) Plaintif tidak boleh membawa keterangan ekstrinsik/luar dan/atau lisan bagi mentafsir dan/atau memberi maksud kepada perjanjian tersebut kerana ss. 91 dan 92 Akta Keterangan 1950 melarang pengemukaan keterangan lisan bagi menyanggah, meminda, mengganti dan mengeluarkan terma-terma dalam perjanjian bertulis; dan

(f) Keterangan PW1 dan juga PW2 hendaklah dinilai secara kritikal berbanding dengan keterangan dokumentari semasa.

Dapatan Dan Penemuan Mahkamah

[24] Mahkamah telah berpeluang untuk mendengar keterangan saksi plaintif iaitu PW1 dan PW2 dan juga keterangan saksi defendan iaitu DW1 dan menimbang semua dokumen yang relevan yang dikemukakan semasa perbicaraan. Setelah mahkamah membuat penilaian kepada keterangan saksi-saksi kedua-dua pihak dari segala sudut berbanding keterangan dokumentar, mahkamah mendapati plaintif telah berjaya membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian. Oleh yang demikian, mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintif berserta dengan kos sebanyak RM15,000. Alasan-alasan mahkamah membenarkan tuntutan plaintif ialah seperti yang akan dihuraikan selepas ini.

Alasan 1: Sama Ada Defendan Kedua Merupakan Pemegang Taruhan "Stakeholder" Bagi RM250,000 Tersebut

[25] Berhubung dengan isu ini adalah wajar bagi mahkamah untuk melihat keadaan-keadaan yang membawa kepada eks. "P1" ditandatangani oleh plaintif dan juga defendan pertama. Keterangan oleh saksi-saksi berkaitan peristiwa sebelum perjanjian tersebut ditandatangani wajar dipertimbangkan oleh mahkamah bagi memberi kesan kepada perkataan-perkataan yang termaktub dalam perjanjian tersebut. Dalam kes ini, keterangan yang dikemukakan sebagaimana yang telah saya huraikan sebelum ini menunjukkan wujudnya fakta latar belakang yang diketahui oleh pihak-pihak semasa atau sebelum perjanjian tersebut ditandatangani iaitu mengenai objektif dan tujuan sebenar perjanjian tersebut. Keterangan dalam rundingan boleh diterima dan relevan tetapi hendaklah terhad kepada latar belakang "factual" yang diketahui oleh pihak-pihak pada atau semasa tarikh perjanjian tersebut termasuklah keterangan yang menunjukkan hal perkara permulaan atau "genesis" dan secara objektifnya tujuan transaksi itu. Dalam kes dalam kes *Citibank Na v. Ooi Boon*

A *Leong & Ors* [1980] 1 LNS 168 mahkamah telah membuat rujukan kepada kes *Prenn v. Simmonds* [1971] 3 All ER 237, di ms. 241 di mana Lord Wilberforce telah menyatakan:

> In my opinion, then evidence of negotiations? Ought not to be received, and evidence should be restricted to evidence of factual background known to the parties at or before the date of the contract, including evidence of the 'genesis' and objectively the aim of the transaction.

[26] Dalam kes *Berjaya Times Square Sdn Bhd v. M-Concept Sdn Bhd* [2010] 1 CLJ 269; [2009] 1 LNS; [2010] 1 MLJ 597, Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes *Investors Compensation Scheme Ltd v. West Bromwich Building Society* [1998] 1 All ER 98 yang menurunkan lima proposisi undang-undang berhubung tafsiran seperti yang berikut:

> (1) Interpretation is the ascertainment of the meaning which the document would convey to a reasonable person having all the background knowledge which would reasonably have been available to the parties in the situation in which they were at the time of the contract.
>
> (2) The background was famously referred to by Lord Wilberforce as the 'matrix of fact' but this phrase is, if anything, an understated description of what the background may include. Subject to the requirement that it should have been reasonably available absolutely anything which would have affected the way in which the language of the document would have been understood by a reasonable man.
>
> (3) The law excludes from the admissible background the previous negotiations of the parties and their declarations of subjective intent. They are admissible for rectification. The law makes this distinction for reasons of practical policy and, in this respect only, legal interpretation differs from the way we would interpret utterances in ordinary life. The boundaries of this exception are in some respect unclear. But this is not the occasion on which to explore them.
>
> (4) The meaning which a document (or any other utterance) would convey to a reasonable man is not the things as the meaning of its words. The meaning of words is a matter of dictionaries and grammars; the meaning of a document is what the parties using those words against the relevant background would reasonably have been understood to mean. The background may not merely enable the reasonable man to choose between the possible meanings of words which are ambiguous but even (as occasionally happens in ordinary life) to conclude that the parties must, for whatever reason, have used wrong words or syntax (see *Mannai Investment Co Ltd v. Eagle Star Life Assurance Co Ltd* [1997] 3 All ER 352; [1997] 2 WLR 945.).

(5) The rule that words should be given their 'natural and ordinary meaning' reflects the common sense proposition that we do not easily accept that people have made linguistic mistakes, particularly in formal documents. On the other hand, if one would nevertheless conclude from the background that something must have gone wrong with the language, the law does not require judges to attribute to the parties an intention which they plainly could not have had.

(Lihat juga kes Mahkamah Rayuan Malaysia *Kwan Chew Holdings Sdn Bhd v. Kwong Yik Bank Bhd* [2007] 2 CLJ 127).

[27] Rujukan kepada prinsip undang-undang yang mantap sebagaimana yang telah saya gariskan di atas, dan setelah mahkamah meneliti kesemua keterangan yang dikemukakan di mahkamah, baik keterangan lisan atau dokumentar, mahkamah berpuas hati bersandarkan kepada fakta matriks kes ini berserta latar belakang termeterainya perjanjian tersebut, adalah menjadi niat pihak-pihak kepada perjanjian supaya defendan kedua bertindak sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder" bagi RM250,000 yang dibayar oleh plaintif kepada defendan kedua. Perkara ini juga ada dalam pengetahuan DW1 yang terlibat secara langsung dalam rundingan yang diadakan di antara plaintif dan defendan. Perjanjian tersebut juga dideraf sendiri oleh DW1 yang mempunyai pengalaman luas dalam menderaf dokumentasi undang-undang.

[28] Mahkamah juga wajar melihat niat pihak-pihak kepada perjanjian tersebut di bawah kl. 5.5.1b yang memperuntukkan seperti yang berikut:

5. FINANCIAL PROVISION

5.1. The PARTIES have agreed that the payments will be according to the terms of payment as stated below:

(a) The AGENT agrees to pay a Refundable Deposit of Ringgit Malaysia Two Hundred and Fifty Thousand (RM250,000) to the PRINCIPAL's solicitor's, J Clemons & Associates, H-19A, First Floor, Jalan Pasar, 1/21, 46000 Petaling Jaya, Selangor D.E.

(b) The PRINCIPAL agrees, that in the event a confirmed order is not placed by the PRINCIPAL to the AGENT in respect of this PROJECT within 60 days from the date of this Agreement, the amount of RM250,000 will be refunded in full to the AGENT, after which this Agreement shall terminate and thereafter neither party shall have any rights against each other.

(c) The AGENT agrees that in the event the confirmed order is received within the 60 days, the refundable deposit will be taken as part of its contribution towards securing the orders for the supply of the PRODUCT.

[29] Pembacaan kl. 5.5.1b perjanjian tersebut yang saya petik di atas dengan jelas menunjukkan dalam kes ini pembayaran RM250,000 kepada defendan kedua ialah sebagai pembayaran kepada pemegang taruhan dan/ atau "stakeholder" dan pelepasan wang tersebut oleh defendan kedua hanya boleh dibuat jika berlaku salah satu peristiwa iaitu jika tidak terdapat pengesahan pesanan oleh defendan pertama maka RM250,000 hendaklah dipulangkan kepada plaintif dan perjanjian tersebut menjadi terbatal. Sebaliknya jika berlakunya peristiwa terdapatnya pengesahan tempahan, RM250,000 tersebut hendaklah diambil sebagai sebahagian sumbangan plaintif kepada defendan pertama kerana berjaya memperolehi pesanan bagi bekalan pistol di bawah perjanjian tersebut.

[30] Daripada pembacaan klausa ini adalah jelas perjanjian tersebut menghasratkan supaya wang RM250,000 yang dibayar oleh plaintif kepada defendan kedua untuk dipegang sebagai pemegang pertaruhan atau "stakeholder" bagi menjamin keselamatan wang yang disimpan dalam akaun pihak ketiga iaitu defendan kedua sementara menunggu berlaku atau tidak berlakunya sesuatu peristiwa iaitu sama ada terdapat pesanan daripada defendan pertama atau sebaliknya. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian tersebut fungsi dan peranan defendan kedua namun pembacaan klausa ini membawa maksud bahawa defendan kedua memegang wang berjumlah RM250,000 tersebut selaku pemegang taruhan atau "stakeholder". Jika ianya untuk dibayar kepada defendan pertama apakah pula tujuannya RM250,000 dibayar plaintif kepada orang tengah seperti defendan kedua sebagaimana yang ternyata dalam klausa di atas.

[31] Perkara ini juga konsisten dengan keterangan saksi-saksi di mahkamah khususnya PW1 dan PW2. Namun begitu di hadapan saya, defendan kedua telah memutarbelitkan fakta bahawa RM250,000 tersebut dipegang oleh defendan kedua untuk defendan pertama dan untuk dibayar kepada defendan pertama apabila diminta defendan pertama. Jika itulah pentafsiran defendan kedua terhadap klausa tersebut bagaimana pula defendan kedua menjustifikasikan pembacaan kl. 5.5.1b perjanjian tersebut di mana dengan nyata memperuntukkan bahawa jika tiada pesanan dibuat oleh defendan pertama kepada plaintif bagi pistol tersebut dalam tempoh, 60 hari daripada tarikh perjanjian tersebut, jumlah RM250,000 tersebut hendaklah dibayar balik sepenuhnya kepada plaintif dan setelah itu perjanjian tersebut hendaklah ditamatkan dan mana-mana pihak tidak ada hak untuk menuntut terhadap satu sama lain.

[32] Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas bahawa defendan kedua bertindak sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder", namun pembacaan keseluruhan klausa tersebut dan bersandarkan kepada keadaan "factual matrix" kes ini plaintif dan defendan pertama menghasratkan

agar defendan kedua bertindak sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder" untuk pihak-pihak kepada perjanjian tersebut. Ini disokong dengan keterangan plaintif bahawa wujudnya perbincangan mengenai terma perjanjian di antara plaintif dan defendan pertama dengan deraf perjanjian yang disediakan oleh defendan kedua selaku peguam yang arif dengan penyediaan dokumen undang-undang sedemikian.

[33] Adalah jelas dalam kes ini, defendan kedua bertindak selaku pemegang taruhan atau "stakeholder" yang memegang RM250,000 tersebut sebagai pemegang amanah kepada plaintif dan defendan pertama sementara menunggu peristiwa di bawah kl. 5.5.1a atau b berlaku. Diputuskan dalam kes *Dato' Seri Au Ba Chi & Anor v. Malayan United Finance Bhd & Anor* [1989] 2 CLJ 801; [1989] 1 CLJ (Rep) 460 yang dipetik oleh peguambela terpelajar plaintif seperti berikut:

> Generally the duty of a stake holder is to hold the stake *in medio* pending the outcome of a future event; he holds it as a trustee for both parties to wait that event and until that event is known, it is his duty to keep it in his own hands.

[34] Kedudukan dalam kes ini boleh disamakan dengan keadaan suatu perjanjian jual beli di mana pembeli dan penjual memasuki perjanjian jual beli dan pada masa yang sama bersetuju supaya bakal pembeli mendeposit sesuatu jumlah yang perlu disimpan dengan pihak ketiga sementara penyempurnaan kontrak, biasanya seorang peguam. Pihak ketiga memegang deposit yang dibayar pembeli dan tidak akan melepaskan wang ini kecuali dengan keizinan pihak yang satu lagi. Dalam kes yang dirujuk oleh peguambela terpelajar defendan kedua iaitu *Toh Theam Hock v. Kemajuan Perwira Management Corp Sdn Bhd* [1987] 2 CLJ 26; [1987] CLJ (Rep) 400; [1988] 1 MLJ 116 maksud pemegang taruhan "stakeholder" dinyatakan seperti berikut:

> ...What is in essence stakeholding? The word "stake" is in common parlance used to apply to any money to be disposed of in accordance with what may happen in the future: and whoever is in possession of the money is often described as the stakeholder. The manner in which the money is to be disposed of depends on the terms on which it is held.

[35] Dalam kes *Chen, Leong & Company v. Sri Naka Jaya Enterprise Sdn Bhd* [2009] 6 CLJ 444 pada Held 1 dinyatakan seperti berikut:

> The Court must have regard to all circumstances of a particular case when determining whether the receiver of money, be it as a solicitor or an estate agent, holds the same as a stakeholder. That was the exercise that the High Court carried out at both levels.

[36] Berdasarkan kepada fakta yang telah saya huraikan di sini dan juga penelitian pada eks. "P1" tidak dipertikaikan bahawa defendan kedua dalam kes ini bertindak sebagai pemegang taruhan atau "stakeholder" bagi deposit RM250,000 yang dibayar oleh plaintif kepada defendan kedua.

Alasan 2: Tiada Keadaan Yang Menjustifikasikan Pelepasan Wang Kepada Defendan Pertama

[37] Tindakan dan alasan DW1 melepaskan RM250,000 tersebut wajar juga diteliti bagi melihat kesucian niat defendan kedua yang dikatakan bertindak sebagai peguam bagi pihak defendan pertama yang juga bertanggungjawab menyediakan dokumen untuk dilaksanakan oleh plaintif dan defendan pertama. Defendan kedua yang telah beramal sebagai peguambela dan peguamcara sejak 22 tahun dengan pengkhususan dalam bidang litigasi dan conveyancing telah melepaskan RM250,000 tersebut tanpa mematuhi kl. 5 tersebut. Tidak ada mana-mana peruntukan dalam kl. 5 yang membolehkan defendan kedua melepaskan wang tersebut kepada defendan pertama kecuali berlakunya peristiwa pengesahan tempahan dalam tempoh 60 hari, deposit tersebut akan diambil sebagai sebahagian daripada sumbangan plaintif kepada defendan kerana berjaya memperoleh pesanan untuk bekalan pistol di bawah perjanjian tersebut.

[38] Tingkah laku defendan kedua menunjukkan defendan kedua tidak ada justifikasi bagi melepaskan wang tersebut kepada defendan pertama kerana peristiwa yang membolehkan defendan kedua berbuat demikian tidak wujud pada tarikh wang dilepaskan iaitu pada 11 Julai 2008 iaitu lebih kurang tiga hari selepas perjanjian ditandatangani. Melalui surat bertarikh 11 Julai 2008, defendan kedua telah melampirkan cek tunai bertarikh 14 Julai 2008 bagi jumlah yang besar untuk dibayar di atas nama orang perseorangan iaitu Subramaniam dan bukan defendan pertama, sebuah syarikat yang berkontrak dengan plaintif. Kalau melihat dokumen yang dikemukakan oleh defendan sendiri iaitu eks. "D3"(a) dan juga "D3"(b) (ms. 9 dan 10 Dokumen "B") terdapat pelepasan wang yang besar nilainya secara melulu atau reckless di mana wang dilepaskan tanpa pembuktian wujudnya peristiwa yang dinyatakan dalam kl. 5 perjanjian tersebut. Walaupun perkara ini tidak dibangkitkan oleh plaintif namun memandangkan dokumen dikemukakan di mahkamah oleh defendan kedua sendiri sebagai pembuktian pembayaran kepada defendan pertama, mahkamah berhak menilai dokumen defendan kedua bagi melihat niat dan tingkah laku atau "conduct" defendan kedua di sebalik pelepasan wang ini. Alasan yang ternyata dalam eks. "D3(a)" tersebut bukan merupakan peristiwa yang menjustifikasi pelepasan menurut perjanjian tersebut. Kalau dilihat pada barisan dua dan tiga eks. "D3(a)" jelas wang dilepaskan bagi tujuan "in order to commence your services and negotiations" yang bukan merupakan peristiwa yang membolehkan

defendan kedua membuat pelepasan wang tersebut di bawah perjanjian tersebut. Pembayaran yang dibuat oleh defendan kedua juga tanpa mandat yang sah melalui suatu resolusi oleh lembaga pengarah defendan pertama. Pelepasan wang yang besar jumlahnya dibuat secara tunai kepada Subramaniam. Ini pada saya sudah jelas menunjukkan kecuaian defendan kedua yang sewajarnya tidak berlaku memandangkan defendan kedua sudahpun lebih 22 tahun mengamal dalam bidang litigasi dan conveyancing.

[39] Saya juga telah mendengar keseluruhan keterangan DW1 di dalam kotak saksi dan saya mendapati DW1 cuba memutarbelitkan fakta dan mentafsirkan dokumen yang beliau sediakan mengikut tafsirannya sendiri bagi kepentingannya. Defendan sendiri telah membangkitkan dalam pernyataan saksinya bahawa beliau telah dalam tahun 2010 semasa mengikrarkan afidavit bagi mencabar afidavit sokongan plaintif bagi permohonan di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telah menyatakan defendan kedua merupakan pemegang taruhan atau "stakeholder" bagi perjanjian tersebut. Kemudian di hadapan saya semasa perbicaraan, DW1 menyatakan apa yang dimaksudkan sebenarnya ialah memegang wang tersebut untuk defendan pertama untuk dibayar kepada defendan pertama apabila diminta oleh defendan pertama. Jelas di sini, DW1 cuba memutar belit fakta dan membuat tafsiran sendiri yang jelas bercanggah dengan pernyataan bersumpah beliau.

[40] Defendan kedua juga gagal menunjukkan defendan kedua mempunyai justifikasi bagi melepaskan wang tersebut kepada defendan pertama. Walaupun defendan-defendan memplid dalam penyataan pembelaan terpinda akan wujudnya peristiwa bahawa defendan pertama telah mematuhi obligasinya di bawah perjanjian seperti pada perenggan 6, 7, 8, 9, 10, dan 11 penyataan pembelaan terpinda tersebut, namun semasa perbicaraan di hadapan saya perkara ini tidak dibuktikan langsung.

[41] Oleh yang demikian, adalah jelas di sini bahawa apa yang diplid dalam penyataan pembelaan terpinda bercanggah dengan apa yang diikrar oleh DW1 dalam afidavit defendan kedua bagi menangkas afidavit plaintif bagi permohonan di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu di perenggan 1 lampiran 7. Malah, dalam keterangan bersumpahnya yang diikrar pada 18 Jun 2010 defendan kedua mengakui bahawa defendan kedua ialah pemegang taruhan. Saya perturunkan perenggan 1 afidavit DW1 seperti berikut:

> Saya adalah Peguam yang mengendalikan perkara ini dan adalah seorang Peguam yang meramalkan practice saya sebagai seorang Pemilik Tunggal (Sole Proprietor) dan mengikrarkan Afidavit ini bagi firma saya di mana **adalah Defendan Kedua dalam tindakan ini sebagai Pemegang Taruhan**. (penekanan ditambah).

[42] Mahkamah berpendapat bahawa pada tahap ini mahkamah wajar melihat afidavit ini kerana kandungan afidavit DW1 sendiri ada dirujuk oleh DW1 dalam pernyataan saksi DW1 bagi memberi tafsirannya sendiri bagi apa yang dimaksudkan dengan perenggan 1 afidavit DW1 yang saya petikkan di atas. Adalah diperhatikan bahawa defendan kedua telah memfailkan permohonan untuk pindaan setelah kes selesai didengar di Mahkamah Rayuan berhubung rayuan terhadap penghakiman terus yang dibuat oleh defendan kedua di mana Mahkamah Rayuan menyatakan terdapat isu-isu untuk dibicarakan dan menghantar kes untuk didengar atas merit di hadapan saya. Pembelaan ini diperkemaskan setelah isu mengenai wang pertaruhan atau "stakeholder" menjadi isu di hadapan mahkamah ini dan juga di hadapan Mahkamah Rayuan. Ini jelas merupakan suatu pembelaan yang difikirkan semula setelah isu mengenai pemegang taruhan atau "stakeholder" dilitigasi di mahkamah ini pada tahap permohonan di bawah A. 14 KKMT 1980 dan juga di Mahkamah Rayuan. Seperkara lagi, kekhilafan yang diakui oleh DW1 dan yang dihujahkan oleh peguam terpelajar defendan pertama amat sukar diterima kerana DW1 sudahpun menjalankan amalan guaman untuk tempoh 20 tahun dengan pengkhususan dalam bidang litigasi dan conveyancing pada masa afidavit di atas diikrarkan dan lebih 22 tahun semasa DW1 hadir untuk perbicaraan di hadapan saya.

[43] Malah dalam keterangan lisannya di hadapan saya, DW1 mengakui bahawa pemegang taruhan dalam Bahasa Inggeris bermaksud "stakeholder". DW1 juga mengakui beliau faham dan tahu apa sebenarnya yang dimaksudkan sebagai "stakeholder".

Alasan 3: Kredibiliti DW1 Meragukan

[44] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada fakta ini dan melihat bagaimana DW1 memutarbelitkan fakta dan membuat tafsiran sendiri dalam kotak saksi khususnya semasa disoal balas secara intensif oleh peguamcara plaintif, saya mendapati kewibawaan dan kredibiliti DW1 sebagai saksi di mahkamah amat meragukan. Saya katakan sedemikian kerana, saya berhadapan dengan saksi yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang dengan bidang pengkhususannya ialah litigasi dan conveyancing untuk memberi keterangan sebagaimana yang diberi oleh DW1 di hadapan saya. Lebih-lebih lagi dalam keadaan DW1 cuba memutarbelitkan dokumen yang beliau sendiri sediakan dengan memberi maksudnya yang jelas bercanggah dengan maksud biasa perkataan-perkataan yang diderafkan itu.

[45] Ini jelas apabila disoal balas oleh peguam terpelajar plaintif berhubung ketidakpatuhan DW1 kepada terma yang beliau sendiri derafkan. Dapat dilihat oleh mahkamah apabila DW1 diminta untuk memberi terma dalam perjanjian tersebut yang membolehkan DW1

melepaskan wang tersebut kepada defendan pertama, beliau tidak dapat memberikannya sedangkan DW1 bersungguh-sungguh menyatakan pembayaran dibuat selaras dengan terma perjanjian tersebut di mana DW1 menyatakan peranan defendan kedua ialah untuk menerima wang tersebut dan membayarnya kepada defendan pertama. Menurut DW1 apabila defendan pertama meminta wang tersebut, DW1 telah membuat bayaran kepada defendan pertama walaupun tidak terdapat apa-apa terma dalam perjanjian tersebut yang melayakkan defendan melepaskan wang yang besar jumlahnya kepada defendan pertama. Jelas di sini pelepasan wang tersebut tidak dibuat menurut terma yang DW1 sendiri yang sediakan. DW1 mengakui dalam keterangan beliau tidak mematuhi terma perjanjian tersebut tetapi bertindak menurut arahan defendan pertama semata-mata.

[46] Berdasarkan kepada ini, mahkamah berpendapat tindakan defendan kedua merupakan suatu tindakan yang melulu atau reckless, cuai dan bercanggah dengan tujuan sebenar wang itu diserahkan kepada defendan kedua selaku pemegang taruhan atau "stakeholder".

Alasan 4: Kaedah Contra Proferentum Terpakai

[47] Saya juga bersetuju dengan penghujahan peguamcara terpelajar plaintif untuk membangkitkan kaedah *Contra Proferentum* yang terpakai dalam factual matrix kes di hadapan saya. DW1 cuba untuk menyatakan deraf perjanjian yang disediakan oleh defendan pertama dan DW1 cuma membuat sedikit pindaan. Setelah menilai keterangan di mahkamah saya menerima keterangan bahawa perjanjian tersebut dengan terma-terma yang wujud di dalamnya digubal sepenuhnya oleh defendan kedua yang pada tahap itu sudah mempunyai lebih daripada 18 tahun pengalaman sebagai peguam dalam bidang conveyancing. DW1 mempunyai pengetahuan penuh semua terma yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Berdasarkan kepada ini, jika terdapat terma-terma yang tidak kemas maksudnya atau jika berlaku kekaburan yang menyebabkan wujudnya interpretasi yang bercanggah maka interpretasi yang bertentangan dengan pihak yang menderaf terma tersebut hendaklah diambil oleh mahkamah ini.

[48] Kaedah pentafsiran yang tidak memihak kepada pihak yang menderaf dokumen itu telah banyak diputuskan oleh kes undang-undang. Umpamanya dalam kes *MBf Finance Bhd v. Sim Peng Bee & Anor* [2003] 1 CLJ 690; [2003] 5 MLJ 303 di mana maksud *contra proferentum rule* dihuraikan seperti berikut:

> This basic rule of construction means that where an ambiguity or doubt arises in the interpretation of a written document such as an agreement, that ambiguity or doubt must be resolved by construing the agreement against the person who drafted, prepared or put forward the agreement.

[49] Demikian juga telah diputuskan dalam kes *Kandasami Kaliappa Gounder v. Mohd Mustafa Seeni Mohd* [1983] 2 CLJ 55; [1983] CLJ (Rep) 7; [1983] 2 MLJ 85 di mana mahkamah menyatakan:

> There is a principle of construction that if document *inter partes* contains an ambiguity which cannot otherwise be satisfactorily resolved, it is to be construed adversely to the party who proferred it for execution.

[50] Berdasarkan kepada ini, saya berpuas hati bahawa defendan kedua tidak mempunyai apa-apa justifikasi bagi melepaskan wang pertaruhan tersebut kepada Subramaniam.

[51] Berdasarkan kepada perkara-perkara yang saya huraikan terdahulu daripada ini, isu-isu yang dibentangkan untuk penentuan mahkamah hendaklah dijawab seperti berikut:

(a) Sama ada defendan kedua bertindak sebagai pemegang taruhan ("stakeholder") di bawah perjanjian bertarikh 6 Julai 2008 yang dimasuki di antara plaintif dan defendan pertama - jawapannya ialah ya.

(b) Sama ada defendan kedua telah melepaskan wang sejumlah RM250,000 kepada defendan pertama - jawapannya ialah ya.

Kesimpulan

[52] Setelah mempertimbangkan pliding yang difailkan, keterangan yang dikemukakan oleh plaintif dan defendan kedua melalui saksi masing-masing dan mendengar penghujahan kedua-dua peguam terpelajar dan setelah memberi pertimbangan yang serius dan berhati-hati mahkamah berpendapat plaintif telah berjaya membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian. Selaras dengan itu mahkamah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan kedua dengan kos. Setelah mendengar penghujahan pihak-pihak berhubung dengan kos dan saya membenarkan kos berjumlah RM15,000 untuk dibayar oleh defendan kedua kepada plaintif. Di samping itu, faedah sebanyak sebanyak 5% dibenarkan daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.